

Kenanga komited perangi penipuan, sogokan serta rasuah

Kuala Lumpur: Kumpulan Kenanga melancarkan Minggu Kesedaran Penipuan tahunan kali kelima yang juga kemuncak kepada kempen Kesedaran Penipuan secara maya yang berlangsung selama sebulan.

Ia berjaya menyatukan banyak peserta dalaman dan industri dalam suatu inisiatif untuk menggalakkan usaha memerangi penipuan, sogokan dan rasuah.

Bertemakan Memperteguh Nilai Etika menerusi Kedinamikan Pengawalseliaan, delegasi daripada syarikat tersenarai, badan profesional, di samping 290 perwakilan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bursa Malaysia Berhad, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Kenanga membabitkan diri dalam permainan dan kuiz anti-penipuan interaktif serta seminar yang direka khusus untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai trend dan amalan berkaitan pen-

cegahan dan pengesanan penipuan.

Pengarah Urusan Kumpulan, Kenanga Investment, Datuk Chay Wai Leong berkata, pihaknya berbesar hati mengemban sebuah kempen dalaman yang diperkenalkan lima tahun lalu, menjadi seruan industri untuk bertindak memerangi penipuan.

“Pada masa sama, kami memberikan respons kepada 10 Prinsip *United Nations Global Compact* yang menekankan betapa perlunya perniagaan bertindak menentang rasuah dalam semua bentuknya.

“Memandangkan kami berusaha terus menggabungkan kriteria Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam seluruh rantaian nilai, kami komited terus mempertingkatkan kepentingan akauntabiliti, integriti dan tadbir urus baik serta menyeru lebih ramai orang untuk turut serta dalam peperangan menentang penipuan,” katanya dalam satu kenyataan.

“
Kami berikan respons kepada 10 Prinsip United Nations Global Compact
Chay Wai Leong